

SUKANEKA TADIKA KEMAS KAWASAN PARLIMEN B. BINTANG DI PU KUALA LUMPUR

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3258-sukaneka-tadika-kemas-kawasan-parlimen-b-bintang-di-pu-kuala-lumpur

KUALA LUMPUR, 31 Mac 2018 - Tadika Kemas Pangkalan Udara Kuala Lumpur telah menjadi tuan rumah bagi acara Sukaneka Gabungan 5 Tadika Kemas Kawasan Parlimen Bukit Bintang. Sukaneka yang diadakan di Gelanggang Futsal Pangkalan Udara Kuala Lumpur telah bermula seawal jam 8.00 pagi dan berakhir pada pukul 12.30 tengahari. Pegawai Tadbir Pangkalan, Mej Norazan bin Md Amin TUDM telah hadir ke acara tersebut untuk menyampaikan ucapan serta menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Acara tersebut telah berlansung dengan meriah sekali dan turut dihadiri ibu bapa kanak-kanak tadika kemas tersebut.



